

KUNJUNGAN HORMAT KAUNSELOR PERTANIAN, USDA FOREIGN AGRICULTURAL SERVICE (FAS), KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT DI MALAYSIA KE ATAS KETUA PENGARAH PERTANIAN



Putrajaya, 28 Mac – YBhg. Dato' Zahimi bin Hassan, Ketua Pengarah Pertanian telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Timothy Harrison, Kaunselor Pertanian, USDA FAS, Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia dan delegasi dari kedutaan tersebut. Turut hadir adalah Puan Nor Sam binti Alwi, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori) dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Pertanian.

Kunjungan hormat tersebut merupakan pengenalan rasmi beliau sebagai Kaunselor Pertanian yang baharu dilantik dan seterusnya membincangkan kerjasama pertanian di antara kedua-dua negara termasuk perdagangan produk pertanian.